

T A J U K

M E M A H A M I   W A R N A   D A N   H U B U N G A N N Y A

D E N G A N   K A N A K   -   K A N A K

(   1   T A H U N   -   6   T A H U N   )

R O S M A N   B I N   A . H A M I D

N O   M A T R I K   :   8 9 2 4 4 8 4 2

D I P L O M A   A R T   A N D   D E S I G N

(   G R A P H I K   )

I N S T I T U T   T E K N O L O G I   M A R A

1 9 9 2

## Penghargaan

Segala puji-pujian bagi Allah s.w.t kerana limpah dan kurniaNya lah tesis saya dapat disiapkan dengan sempurna. Kepada emak, kakak dan abang saya menjunjung kasih kerana memberi dorongan dan sokongan serta bantuan kewangan sehinggalah diakhir persiapan tesis ini. Selain daripada itu tidak lupa saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah dan kakitangan Kajian Seni Lukis dan Seni Reka terutamanya :

- 1 ) Encik Ahmad Khiri Bin Mohd Zain  
( Ketua Kursus Jabatan Seni Reka Grafik )  
( Selaku penasihat tesis )
- 2 ) Encik Khairul Aidil Adzlin Bin Abdul Rahman  
( Pensyarah Jabatan Seni Reka Perindustrian )
- 3 ) Encik Hassan Bin Dikun  
( Juruteknik Senifoto Jabatan Grafik )

Tidak ketinggalan kepada orang perseorangan dan tempat-tempat tertentu yang menjadi rujukkan kepada saya dalam menjayakan tesis saya ini. Tanpa mereka sudah tentu saya tidak akan mendapat maklumat seperti yang dikehendaki. Mereka yang saya sebutkan itu ialah :

- 1 ) Dr. N.Nagappan, Consultant Paediatrician  
Klinik Kanak-kanak ( bawah 12 tahun )  
Butterworth, Pulau Pinang.
- 2 ) Dr. Sandhu, Klinik Pakar Mata, Sungai Petani  
Kedah.

## SINOPSIS

Tesis ini secara umumnya merupakan satu penyelidikan mengenai warna dan peranan serta pengaruhnya secara menyeluruh di dalam semua aspek kehidupan manusia. Lebih khusus lagi tesis ini mengkaji warna dan hubungannya dengan kanak-kanak lingkungan umur antara 1 hingga 6 tahun.

Di dalam tesis ini juga ditunjukkan bagaimana bidang seni, sains dan psikologi saling berkait antara satu sama lain.

Di dalam mencapai tujuan dan matlamat kajian, tiga kaedah utama telah digunakan di dalam mencari fakta bagi menyelesaikan penyelidikan ini.

Kaedah pertama atau primary data dalam mencari fakta untuk mencapai tujuan ini saya telah bertemu-bual dengan seseorang yang lebih arif di dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kanak-kanak terutama kanak-kanak peringkat umur yang dibincangkan. Contohnya bertemu-bual dengan Dr.N.Nagappan iaitu seorang consultant paediatrician di klinik kanak-kanak di Butterworth dan Dr.Sandhu seorang pakar mata di Sungai Petani. Topik utama yang dibincangkan ialah mengenai perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak ( 1 - 6 tahun ) dan bagaimana mata dan otak bekerja-sama dalam mentafsirkan warna. Fakta ini dapat dilihat pada bab 1, 2 dan 3.

Dalam mencari fakta tentang peranan dan pengaruh warna terhadap pakaian kanak-kanak, saya telah bertemu-bual

## **JADUAL ISI KANDUNGAN**

**Sekapur sireh**

**Penghargaan**

**Sinopsis**

**Pengenalan**

|            |            |          |                                                                                        |    |
|------------|------------|----------|----------------------------------------------------------------------------------------|----|
| <b>BAB</b> | <b>1.0</b> | <b>:</b> | <b>WARNA</b>                                                                           |    |
|            | 1.1        | :        | Definasi warna.....                                                                    | 1  |
|            | 1.2        | :        | Warna dan fisiologi.....                                                               | 2  |
|            | 1:3        | :        | Prinsip warna daripada cahaya.....                                                     | 4  |
|            | 1:4        | :        | Prinsip warna daripada bahan pewarna<br>( pigmen ).....                                | 6  |
|            | 1:5        | :        | Warna dan pengaruhnya terhadap<br>sosiologi, Ugama, kepercayaan<br>dan kebudayaan..... | 8  |
|            | 1:6        | :        | Peranan dan pengaruh warna di dalam<br>aspek sains dan seni.....                       | 12 |
|            | 1:7        | :        | Peranan mata dan otak dalam mengenali<br>warna.....                                    | 17 |
|            | 1.8        | :        | Buta warna.....                                                                        | 20 |
| <b>BAB</b> | <b>2.0</b> | <b>:</b> | <b>KANAK-KANAK ( 1 TAHUN - 6 TAHUN )</b>                                               |    |
|            | 2.1        | :        | Asas pertumbuhan dan perkembangan<br>kanak-kanak.....                                  | 22 |
|            | 2.2        | :        | Seni dan perkembangan emosi - sosial<br>kanak-kanak ( 1 - 6 tahun ).....               | 24 |
|            | 2.3        | :        | Seni dan kaitannya dengan proses<br>perkembangan mental-fizikal .....                  | 28 |

## **BAB 1 : WARNA**

### **Bab 1.1 : Definasi Warna**

Untuk memberi satu definasi mengenai warna amat sukar dari segi istilah. Namun maksud warna dapatlah ditakrifkan dengan agak jelas sedikit bila mana ianya diambil dari bidang - bidang teknikal. Menurut buku Ensaiiklopedia Brittanica, maksud warna amnya diberikan satu definasi melalui dua situasi iaitu secara subjektif dan objektif.

- a ) Subjektif - Sebagai aspek pernyataan tampak ( visual appearence ). Maksud warna selanjutnya digunakan pada bahan-bahan contoh sebagai pewarnaan ( dye dan pigmen ). Pernyataan warna dapat dihuraikan dengan maksud 'hue', 'lighness' dan penyerapan ( satu-ration ). Pendekatan dari aspek psikologikal atau subjektifnya ini digunakan secara meluasnya di dalam aktiviti-aktiviti praktikal warna. Ini adalah kerana warna mudah dilihat dan difahami oleh umum dari aspek ini.
- b ) Objektif - Maksud warna diambil sebagai khusus dari kualiti cahaya apabila terdapat kesedaran terhadap objek-objek atau sumber-sumber cahaya. Hal ini dinyatakan dari maksud bidang fizik yang dapat dinyatakan dari istilah tenaga jarak gelombang, kekilauan